




DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 3/2020

**PENETAPAN DASAR TUNTUTAN BAYARAN BALIK (*REFUND*) MELALUI KAEDAH
OFFSET CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PENGIMPORAN PERKHIDMATAN
DIGITAL YANG DIPEROLEHI DARI ORANG BERDAFTAR ASING**

1. Berkuatkuasa mulai **1 Januari 2020**, penyedia perkhidmatan tempatan yang telah membayar cukai perkhidmatan kepada penyedia perkhidmatan asing ke atas pengimportan perkhidmatan digital boleh membuat **tuntutan bayaran balik (*refund*)** yang diberi di bawah seksyen 34(3)(b) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 **daripada JKDM melalui kaedah *offset*** berdasarkan amaun sebenar yang dibayar.
2. Penyedia perkhidmatan bercukai yang layak menggunakan kemudahan ini adalah:
 - 2.1 **Seorang orang berdaftar** dengan JKDM di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
 - 2.2 **Menyedia perkhidmatan digital yang sama** sepertimana perkhidmatan digital yang diimport;
 - 2.3 Perkhidmatan digital berkenaan adalah untuk tujuan penerusan perniagaan dan bukan untuk kegunaan sendiri;
 - 2.4 Memperolehi (mengimport) perkhidmatan digital tersebut dari penyedia **perkhidmatan asing yang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018**; dan
 - 2.5 **Telah membayar** cukai perkhidmatan kepada orang berdaftar asing.
3. Mekanisme tuntutan bayaran balik (*refund*) adalah secara kaedah *offset* yang dibuat **melalui borang SST-02 di ruang 13(c)** berdasarkan **amaun sebenar cukai perkhidmatan yang telah dibayar kepada orang berdaftar asing**.
4. Layanan tuntutan cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:
 - 4.1 Jika **bayaran dibuat sebelum 1 Januari 2020** berkaitan **perkhidmatan digital yang akan diterima pada atau selepas tarikh 1 Januari 2020**:
 - (a) Tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas bayaran tersebut sekiranya orang berdaftar tidak mengakaunkan cukai sebagai cukai perkhidmatan diimport, **tiada tuntutan bayaran balik (*refund*)** melalui kaedah *offset* boleh dibuat oleh orang berdaftar.
 - (b) Sekiranya orang berdaftar telah mengakaunkan cukai atas dasar cukai perkhidmatan diimport, orang berdaftar tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan bayaran balik (*refund*).




Ilustrasi 4.1

4.2 Jika apa-apa bayaran dibuat selepas 1 Januari 2020 berkaitan perkhidmatan digital yang diterima pada atau selepas tarikh 1 Januari 2020:


- (a) Cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas perkhidmatan tersebut oleh orang berdaftar asing. Orang berdaftar asing **perlu membuat pelarasan ke atas invois yang telah dikeluarkan** (cth; orang berdaftar asing mengeluarkan nota debit untuk jumlah cukai perkhidmatan).

Di dalam senario ini, orang berdaftar **boleh membuat tuntutan bayaran balik (refund)** melalui kaedah *offset* bagi cukai perkhidmatan yang telah dibayar dalam penyata SST-02 untuk tempoh bercukai di mana bayaran cukai perkhidmatan dibuat kepada orang berdaftar asing.



Ilustrasi 4.2(a)


- (b) Sekiranya cukai perkhidmatan dikenakan oleh orang berdaftar asing, orang berdaftar boleh membuat tuntutan bayaran balik (*refund*) melalui kaedah *offset* dalam penyata SST-02 untuk tempoh bercukai di mana bayaran cukai perkhidmatan dibuat kepada orang berdaftar asing.



Ilustrasi 4.2(b)

- 4.3 Jika apa-apa **perkhidmatan digital diterima sebelum 1 Januari 2020 dan menjangkaui tarikh tersebut**, perkhidmatan digital yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah bahagian perkhidmatan digital yang diterima pada dan selepas 1 Januari 2020 (**pembahagian**).

Orang berdaftar asing hanya akan mengenakan cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan digital yang diberikan pada dan selepas 1 Januari 2020. Oleh itu, orang berdaftar **boleh membuat tuntutan bayaran balik (*refund*)** melalui kaedah *offset* bagi cukai perkhidmatan yang telah dibayar berdasarkan mekanisme yang ditentukan di para 3.



Ilustrasi 4.3